

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

LETAK VAPE BERSAMA GULA-GULA

**Taktik segelintir
peniaga tarik
minat remaja,
kanak-kanak
untuk beli rokok
elektronik**

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

IPOH – Segelintir peniaga dikesan meletakkan vape bersama gula-gula dan makanan ringan yang boleh menarik minat golongan remaja serta kanak-kanak untuk membeli rokok elektronik itu di premis mereka.

Taktik itu didedahkan Pusat Racun Negara Universiti Sains Malaysia (USM) selepas melakukan tinjauan di beberapa premis seperti kedai runcit, kedai serbaneka dan restoran di lokasi tertentu di seluruh negara.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2

TINJAUAN
Pusat Racun Negara USM mendapati, vape bukan sahaja diletakkan berdekatan makanan ringan, malah mudah dicapai kanak-kanak.



VAPE turut dijadikan sebagai hadiah dalam mesin permainan anak patung atau 'claw machine'.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Letak vape bersama gula-gula

DARI MUKA 1

Kedua itu menunjukkan seolah-olah pembelian vape kini semudah membeli gula-gula apabila sesiapa sahaja boleh mendapatkan rokok elektronik.

Pegawai Farmasi Pusat Racun Negara USM, Mohd. Fadhi Razali berkata, tinjauan telah dilakukan di pelbagai lokasi termasuk di Ipoh, Perak; George Town, Pulau Pinang; Kuala Lumpur, Johor Bahru, Johor dan Seremban, Negeri Sembilan.

Dalam tinjauan itu, kata beliau, pihaknya mendapati kotak-kotak vape telah diletakkan berhampiran dan di tempat jualan gula-gula dan makanan ringan.

"Ada juga yang diletakkan terlalu rendah, kurang daripada 1 meter dari lantai, yang mana ia adalah paras yang mudah dilihat serta dicapai oleh kanak-kanak."

"Saiznya yang kecil, mengandungi banyak perisa dan reka bentuk yang pelbagai serta menarik seperti barang permainan boleh menarik minat mereka untuk membeli vape."

"Malah, harga jualan vape yang murah juga menjadi punca peningkatan penggunaan vape dalam kalangan remaja, mahupun kanak-kanak," katanya kepada Kosmo! semalam.

Mohd. Fadhi memberitahu, lebih mengejutkan apabila tinjauan yang dijalankan mendapati, vape turut dijadikan sebagai hadiah dalam mesin permainan anak patung.



TINJAUAN Pusat Racun Negara USM mendapati vape diletakkan bersama gula-gula dan makanan ringan di atas kaunter sebuah premis.



Kanak-kanak hanya perlu memasukkan token sebanyak RM2 ke dalam 'claw machine' dan berpeluang mendapat hadiah berupa vape."

MOHD. FADHI RAZALI

"Kanak-kanak hanya perlu memasukkan token sebanyak RM2 ke dalam claw machine dan berpeluang mendapat hadiah berupa vape."

"Perbuatan ini adalah sangat teruk kerana pemiliknya langsung tidak memikirkan kesan penggunaan vape kepada golongan kanak-kanak."

"Penjualan rokok elektronik yang berleluasa tanpa kawalan akan menyukarkan langkah-langkah untuk membendung penggunaannya dalam kalangan remaja dan kanak-kanak," ujarnya.

Beliau berkata, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 mencatatkan peningkatan penggunaan vape dalam kalangan remaja berumur 13 sehingga 17 tahun meningkat daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus tahun lalu.

"Peningkatan yang ketara turut berlaku dalam kalangan remaja perempuan iaitu daripada 2.8 peratus pada 2017 kepada 6.2 peratus tahun lalu," ujarnya.

Ibu bapa kecam peniaga cuba pancing remaja beli vape

IPOH – Ramai ibu bapa mengecam tindakan peniaga meletakkan produk jualan vape bersama gula-gula dan makanan ringan kerana ia mudah menarik minat remaja serta kanak-kanak untuk membeli rokok elektronik itu.

Seorang bapa, Mohd. Shahrul Nizam Zainal Abidin, 42, berkata, pemilik premis perlu peka dengan susun atur semua produk jualan mereka di premis masing-masing dan mengetahui kesan daripada tindakan tersebut.

"Dalam hal ini, tidak sepatutnya vape diletakkan di kaunter ataupun berhampiran dengan gula-gula kerana ia bukanlah tempat bersesuaian, apatah lagi produk seperti vape."

"Pemilik tidak sepatutnya memberi alasan terlepas pandang kerana saya percaya mereka bukan baru berjinak-jinak dalam alam perniagaan. Jika benar terlepas pandang, itu membuktikan mereka ini cuai."

"Sama juga seperti meletakkan arak bersama minuman lain, perbuatan ini salah. Sebab itu kita lihat minuman beralkohol tidak diletakkan di dalam peti dengan minuman lain," katanya kepada Kosmo!

Nurul Aisyah Mustakim, 34, pula memberitahu, penjualan vape kepada golongan remaja terutama pelajar sekolah akan menyumbang kepada peningkatan kes ketagihan rokok



JUMLAH remaja menghisap vape semakin meningkat berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2022. – GAMBAR HIASAN

elektronik.

"Difahamkan di sekolah-sekolah pun memang berhadapan

dengan masalah pelajar yang menghisap vape. Kita tak mahu penjualan vape tanpa kawalan

terutamanya kepada golongan belia terus berlaku.

"Diharapkan pihak berkuasa sentiasa menjalankan pemeriksaan di premis-premis perniagaan terutama kedai serbaneka untuk mengesan tindakan peniaga yang meletakkan vape bersama makanan ringan," katanya.

Bagi Nurul Atiqah Mohd. Nasir, 38, kanak-kanak yang tidak tahu mengenai vape akan mula mendapatkan maklumat mengenai apabila terlihat ia diletakkan berdekatan gula-gula.

"Tidak mustahil suatu hari nanti, mereka akan beli vape. Jadi saya harap penjualan vape perlu dikawal dan diletakkan di tempat yang betul," ujarnya.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : SPEAK UP

LETTERS letters@thesundaily.com

Nursing a lifelong learning for healthcare

RECENT statistics from the Health Ministry reveal that Malaysia has a total of 115,230 nurses, resulting in a nurse-to-population ratio of 1:283. This ratio falls short of the World Health Organisation's target of 1:225.

The nursing profession demands for a commitment to ongoing learning. This dedication is crucial not only for enhancing the quality of care but also for ensuring patient safety, improving health outcomes and staying attuned to the evolving healthcare environment.

Malaysia offers avenues for professional growth in nursing. Among these opportunities are advanced nursing courses, specialised care seminars and technology-enhanced training modules.

However, obstacles, such as cost, geographical location and time constraints, frequently hinder access to these valuable resources.

One notable challenge to professional development is the demanding nature of the nursing profession. Extended shifts, cumulative work hours and the emotional rigours of patient care often deplete energy reserves, relegating additional learning to the background.

Delays in accessing advanced courses, especially in institutions where seniority dictates opportunity, and where opportunities are limited outside the Health Ministry's framework further impede professional growth.

Drawing on our collective experiences, spanning over 15 years in teaching and clinical realms, we advocate for proactive steps to promote continuous learning as follows:

1. Healthcare establishments should set aside specific times for nurses to partake in training, workshops or courses without compromising their regular earnings.
2. Digital learning platforms, such as online courses and webinars, should be prioritised to give nurses the flexibility to learn at their discretion.
3. Experienced nurses should mentor new nurses to pass on invaluable expertise.
4. Providing customised short courses that focus on mentorship can be beneficial, bolstering the proficiency of mentors.
5. To encourage professional advancement, hospitals should consider offering more competitive remuneration for specially trained nurses.

In essence, continuous learning is imperative in the field of nursing. By advocating for opportunities and cultivating a culture that values ongoing education, we can shape nurses who are not only skilled but also emerge as pioneers in healthcare.

Investing in their professional development will ensure Malaysians receive top-tier healthcare. Considering the rapid advancements in medical technology and knowledge, our nurses need to stay updated to provide unparalleled care.

**Wong Lee Sia
Harjit Kaur
Sawnthary Malluvalasa
Chee Gek Neo
Department of Nursing,
School of Medical and Life Sciences
Sunway University**